

**Kertas Penuh - Prosiding Seminar  
Psikologi Kebangsaan 2010**

**SEMINAR  
PSIKOLOGI  
KEBANGSAAN  
2010**

**Pengaruh Status Sosio Ekonomi (SES) Dan Personaliti Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar : Kajian Kes Terhadap Pelajar-pelajar UTeM**

Mohamad bin Bokhari  
Rosli bin Saadan  
Dr. Syed Najmuddin bin Syed Hassan  
Muhd. Akmal Noor bin Rajikon  
Nor Fazilah binti Abd Hamid  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**ABSTRAK**

Kajian ini ingin melihat pengaruh atau hubungan latar belakang keluarga (SES) dan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar di lima buah fakulti yang terdapat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK). Responden kajian terdiri daripada 291 orang pelajar ( $n=291$ ) iaitu lelaki seramai 163 orang dan perempuan seramai 128 orang. Analisis yang digunakan adalah Analisis Skor Min, ANOVA Sehalu dan Ujian *Least Significant Difference* (LSD) untuk melihat perbezaan serta membuat perbandingan trait-trait personaliti dari segi tahap pencapaian akademik (CGPA). Ujian Khi-kuasa Dua (*Chi-Square dengan paras signifikan 0.05 yang ditetapkan*) untuk membandingkan antara jantina dengan pencapaian akademik pelajar dan hubungannya dengan pendapatan serta tahap tertinggi pelajaran ibu bapa mereka. Dapatan membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tarit personaliti (*agresif, autonomi, bersandar, ekstrovert, intelektual, introvert, ketahanan, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian*) dengan pencapaian akademik Manakala tiga trait personaliti lain iaitu analitikal (*nilai sig.  $F = 0.04$* ), kepelbagaian (*nilai sig.  $F = 0.03$* ) dan kritik diri (*nilai sig.  $F = 0.03$* ) menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara latar belakang keluarga (*nilai  $f. sig. = 0.44$* ), jantina (*nilai  $f. sig. = 0.07$* ), dan pendidikan tertinggi bapa (*nilai sig.  $f = 0.44$* ) dan ibu (*nilai sig.  $f = 0.61$* ) dengan pencapaian akademik pelajar.

## **1.1 PENDAHULUAN**

Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1985) menegaskan bahawa kekongruenan personaliti dan persekitaran bukan sahaja membantu kepuasan bekerja (belajar), bahkan membantu dalam peningkatan pencapaian akademik seseorang pelajar. Bruch dan Krieshok (1981), juga menyatakan bahawa terdapat hubungan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus di kalangan pelajar universiti.

Menurut Allport pula, personaliti adalah organisasi dinamis sistem-sistem psikofizikal dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku dan pemikirannya. Guliford, Brown dan Brooks pula telah mentakrifkan personaliti sebagai satu trait-trait yang unik yang ada pada individu. Trait-trait personaliti itu lazimnya dapat dikenal pasti melalui kecenderungan terhadap subjek sekolah, aktiviti-aktiviti rekreasi, hobi dan kerja. Sementara minat vokasional boleh diertikan sebagai ekspresi personaliti. (Sidek Mohd Noah, 1998)

Gattiker dan Larwood (1990) juga menyatakan bahawa personaliti dan persekitaran yang kongruen akan mendorong seseorang pelajar belajar secara bersungguh-sungguh dan lebih berkesan.

## **1.2 DEFINISI KONSEP**

### **1.2.1 Status Sosio-Ekonomi**

Status sosio-ekonomi sehingga kini merupakan satu masalah dan ahli-ahli sosiologi tidak sekata tentang apa yang perlu dimasukkan di dalam definisi. Manakala Max Weber memasukkan butir-butir seperti cara hidup, pendidikan formal, kedudukan dari segi kelahiran dan kedudukan pekerjaan seseorang. Ringkasnya apabila disebut status sosio-ekonomi, ianya dapat diukur dari segi pendidikan yang diperolehi, pekerjaan dan pendapatan seseorang itu. (Azaman, 1995)

### **1.2.2 Tingkat Pendapatan Keluarga**

Dalam kajian ini, penulis mensasarkan tingkat pendapatan keluarga kepada empat kategori. Pertama, tingkat pendapatan keluarga yang tinggi, iaitu purata pendapatan ibu bapa sebulan adalah RM5,000.00 ke atas. Kedua, tingkat pendapatan keluarga sederhana atas, iaitu ibu bapa yang mempunyai purata pendapatan antara RM3000.00 hingga RM4,999.00 sebulan. Ketiga, tingkat pendapatan keluarga sederhana bawah, iaitu ibu bapa yang mempunyai purata pendapatan antara RM1001.00 hingga RM2,999.00 sebulan. Keempat, tingkat

pendapatan keluarga yang rendah, iaitu ibu bapa yang mempunyai purata pendapatan RM1000.00 ke bawah sebulan.

### **1.2.3 Pencapaian Akademik (CGPA)**

Dalam kajian ini, pencapaian akademik (CGPA) pelajar adalah berdasarkan prestasi dalam peperiksaan semester pertama. CGPA adalah Jumlah Nilai Gred (nilai gred x unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan Jumlah Unit bagi semua kursus yang diambil di universiti.

Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian jika mendapat CGPA 2.00 atau lebih ( $CGPA > 2.00$ ). Pelajar yang mendapat CGPA 3.50 hingga CGPA 4.0 dianggap cemerlang. Pelajar yang mendapat CGPA 3.00 hingga CGPA 3.49 dianggap tinggi atau baik. Pelajar yang mendapat CGPA 2.50 hingga CGPA 2.99 dianggap memuaskan atau sederhana tinggi. Manakala pelajar yang mendapat CGPA 2.00 hingga CGPA 2.49 dianggap pencapaiannya di peringkat sederhana rendah. Pelajar yang mendapat CGPA 1.70 hingga CGPA 1.99 dianggap lulus bersyarat. Dan pelajar yang mendapat CGPA bawah 1.70 ( $CGPA < 1.70$ ) dianggap gagal dan tidak dibenarkan meneruskan pengajian di universiti.

### **1.2.4 Personaliti**

Konsep personaliti merangkumi kesemua unsur yang bersifat psikologi dan terdapat di dalam diri individu. Unsur-unsur personaliti termasuk pemikiran, persepsi, fobia, pencapaian, motivasi, kecerdasan, kepercayaan, keupayaan, perangai, sikap, nilai, kebiasaan dan watak. Namun demikian, unsur-unsur tersebut tidaklah terbatas kepada perkara-perkara tersebut sahaja. Untuk lebih memudahkan, unsur-unsur tersebut dapat dikategorikan kepada trait, pembawaan, watak, sikap dan tabiat. Trait merupakan aspek personaliti yang paling umum dan mudah dilihat dalam berbagai keadaan. Antara contoh-contoh trait ialah peramah, pemalu, penyombong, idealistik, rajin dan yakin kepada diri sendiri (Siti Hawa dan Ma'rof, 1990).

## **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Isu berkaitan pencapaian atau prestasi akademik pelajar-pelajar pelbagai kaum (majmuk) di Malaysia amat dititikberatkan dan menarik perhatian di kalangan tiga etnik iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Kepekaan dan keprihatinan terhadap pencapaian pelajar-pelajar Bumiputra telah disuarakan oleh bekas Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, iaitu 'terdapat ramai pelajar Bumiputra yang keciciran di universiti'. Pendapat beliau disokong oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia dengan menyatakan bahawa sikap pelajar-pelajar Melayu masih berada di tahap lama. Kini mereka

meletakkan kecemerlangan akademik sebagai kurang penting (Ervina Alfian dan Md Nor, 2005).

Selain itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa kesihatan dan stres boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan hubungan sosial. *Anxiety* peperiksaan (ujian) boleh mengakibatkan stres dan pencapaian rendah dalam akademik terutama di kalangan pelajar berstatus sosioekonomi rendah. Pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah pula didapati sukar untuk menyesuaikan diri dengan budaya universiti dan akhirnya keciciran (Terry Saenz, Marcoulides, Junn, Young, 1999).

Berdasarkan permasalahan di atas, penulis ingin mengkaji /melihat kebenaran sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara iaitu;-

- Status sosioekonomi (SES) dan pencapaian akademik.
- Personaliti dengan pencapaian akademik.

Justeru, melalui dapatan yang diperolehi penulis akan dapat mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar berhubung dengan prestasi akademik mereka. Seterusnya penulis akan membuat cadangan atau syor untuk diatasi supaya kecemerlangan akademik pelajar (mahasiswa) terjamin.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini adalah untuk menimbulkan kesedaran bahawa SES bukan faktor yang boleh mempengaruhi terhadap pencapaian akademik pelajar. Pelajar-pelajar yang memperoleh CGPA 3.0 hingga 4.0 tidak semestinya datang daripada keluarga yang status ekonomi tinggi atau sebaliknya. Andaian atau kebarangkaliannya adalah trait-trait personaliti tertentu seperti skor asertif rendah, skor introvert tinggi, skor ekstrovert rendah, skor bersandar tinggi dan sebagainya yang mungkin akan mempengaruhi pencapaian prestasi akademik pelajar sama ada cemerlang atau sebaliknya.

**Jangkaan kepentingan hasil kajian ini adalah :-**

1. Jangkaan hasil kajian akan dapat membantu dalam peningkatan prestasi akademik pelajar.
2. Jangkaan hasil kajian akan dapat membantu pelajar mengenal pasti trait-trait personaliti yang berkesan dan mampu menjana peningkatan akademik pelajar.
3. Jangkaan hasil kajian dapat membantu pelajar bertingkah laku positif sesuai dengan trait personaliti yang mengarah kepada pencapaian akademik yang tinggi.
4. Jangkaan hasil kajian akan dapat membantu pelajar berpersonaliti unggul.

## 1.5 OBJEKTIF / TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan kepada apa yang telah dibincangkan, maka kajian ini secara umum bertujuan untuk melihat dan mengenal pasti iaitu:-

1. Untuk melihat adakah pengaruh status sosioekonomi (SES) pelajar-pelajar UTeM mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar?
2. Untuk melihat adakah pengaruh trait personaliti mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar?

## 1.6 SOALAN KAJIAN

Justeru, berlandaskan tujuan kajian yang diketengahkan, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Adakah latar belakang sosioekonomi (SES) menyumbang terhadap pencapaian prestasi akademik pelajar?
- ii. Adakah trait-trait personaliti (enam trait) mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?
- iii. Adakah perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?

## 1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Ekoran daripada ini, pengkaji membentuk hipotesis seperti di bawah:

### **Hipotesis I:**

Tidak terdapat hubungan signifikan latar belakang sosioekonomi dengan pencapaian akademik.

### **Hipotesis II:**

Tidak terdapat hubungan signifikan trait-trait personaliti dengan pencapaian akademik pelajar.

### **Hipotesis III:**

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan pencapaian akademik.

## 2.1 Kajian Literatur

Kajian oleh Norida, Rozelan dan Hafzan (2006) telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat keselarasan antara jenis personaliti pelajar dengan persekitaran program pengajian yang diikuti di UTeM. Dapatan kajian menunjukkan terdapat keselarasan antara personaliti dengan program pengajian

pelajar bagi pelajar yang mengikuti program BEKP, BEKC, BMCT, BMCA dan BMCS. Bagi program BEKE, BMFP, BMFR, BMFA, BITD, BITM, BITS, BITC, BENC, BENT dan BENE dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat keselarasan antara personaliti pelajar dengan program pengajian yang diikuti. Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara keselarasan personaliti dengan pencapaian akademik pelajar kecuali bagi program pengajian BENC, BENT dan BENE. Keputusan kajian ini menunjukkan ada dalam kalangan pelajar yang memilih bidang pengajian yang selaras dengan personaliti mereka dan ada yang memilih bidang yang tidak selaras dengan personaliti mereka.

Kajian oleh Rosini dan rakan-rakan (2005) mengenai hubungan antara ciri personaliti dan pencapaian akademik telah dijalankan di kalangan pelajar-pelajar di UPM. Dalam kajian ini ciri personaliti diwakili dengan 7 dimensi iaitu, motivasi, keyakinan, konsep sendiri, perhubungan dengan orang lain, kebimbangan, fokus dan emosi. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan terdapat hubungan yang positif dan signifikan tetapi rendah, ( $r = 0.292$ ) antara personaliti dengan pencapaian.

Kajian oleh Sabariah, 1985 (dalam Masturah, Ishak dan Hamdan, 2007) menunjukkan terdapatnya hubungan antara pencapaian akademik dengan darjah kongruen personaliti-persekitaran kursus di kalangan pelajar universiti. Oleh itu, pemilihan kursus yang berdasarkan kekongruenan minat dan personaliti merupakan antara salah satu faktor utama yang akan membantu meningkatkan pencapaian akademik dan kepuasan mereka dalam sesuatu pemilihan kerjaya.

Kajian yang dibuat oleh Manan dan Mohamad (2003) terhadap prestasi akademik pelajar-pelajar UiTM mendapati bahawa prestasi akademik (CGPA) pelajar-pelajar perempuan lebih baik berbanding pelajar-pelajar lelaki. (dalam Ervina Alfian & Md Nor, 2005).

Ho (2000) pula dalam kajian terhadap sikap pelajar-pelajar di tingkatan Enam yang mengambil subjek '*accounting*' menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara sikap (*terhadap subjek, minat, persepsi, sokongan ibu bapa dan pengaruh guru-guru*) dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan juga menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara jantina (*gender*) dengan pencapaian akademik pelajar.

Coover & Murphy (2000) menguji hubungan di antara identiti diri, dengan pencapaian akademik dan mendapati konsep sendiri antara dimensi yang lebih positif berkait dengan pencapaian akademik. Menurutnya identiti diri boleh berubah melalui interaksi sosial dan komunikasi antara lain yang mana boleh meninggikan pencapaian.

Saenz, Marcoulides, Junn, dan Young (1999) menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik datang daripada keluarga berstatus sosio-ekonomi pertengahan, keluarga berpendidikan, memiliki

ketegasan diri dalam usaha memperoleh maklumat dari fakulti, staf universiti, dan rakan-rakan pelajar.

## **2. 3 Alat Ukuran**

### **2.2.1 Inventori Personaliti Sidek (IPS)**

Inventori Personaliti Sidik atau singkatannya IPS misalnya mempunyai 15 skala yang mampu mengenal pasti 15 ciri-ciri personaliti individu. IPS bertujuan untuk mengukur atau mengenal pasti ciri-ciri personaliti berikut iaitu :Agresif, Analitikal, Autonomi, Bersandar, Ekstrovert, Intelektual, Introvert, Kepelbagaian, Ketahanan, Kritik-diri, Mengawal, Menolong, Sokongan, Struktur dan Pencapaian. (Sidek, 1998)

**Agresif** : Trait personaliti yang menunjukkan individu terlalu kritikal terhadap orang lain, tegas, berani dan tidak suka dimanipulasi.

**Analitikal** : Trait personaliti yang menunjukkan individu sangat sensitif kepada persekitaran, suka membuat pemerhatian dan akan menganalisis sesuatu perkara sebelum membuat sesuatu keputusan.

**Autonomi** : Trait personaliti yang menunjukkan individu lebih sukakan kebebasan dalam tindakannya dan dapat mengawal dan menentukan aktiviti-aktiviti hariannya.

**Bersandar** : Trait personaliti yang menunjukkan individu suka bergantung kepada orang lain dan memerlukan bantuan orang lain dalam membuat keputusan.

**Ekstrovert** : Trait personaliti yang menunjukkan individu suka dikelilingi, berinteraksi dan bekerja dengan orang ramai.

**Intelektual** : Trait personaliti yang menunjukkan individu berminat kepada aktiviti-aktiviti yang memberikan cabaran daripada segi intelektual.

**Introvert** : Trait personaliti yang menunjukkan individu suka mengelak situasi-situasi yang akan memaksa mereka berkomunikasi di samping suka bersendirian menyelesaikan sesuatu tugas.

**Kepelbagaian** : Trait personaliti yang menunjukkan individu dapat menghayati berbagai-bagai situasi bagi mendapatkan pengalaman yang baru ke arah perubahan yang berterusan.

**Ketahanan** : Trait personaliti yang menunjukkan individu yang cekal dan bermotivasi untuk menghabiskan atau menyelesaikan semua tugas.

**Kritik-diri** : Trait personaliti yang menunjukkan individu yang tidak stabil dari segi emosi dan psikologi.



**Mengawal** : Trait personaliti yang menunjukkan individu suka mengawal orang lain atau lebih suka memimpin daripada dipimpin.

**Menolong** : Trait personaliti yang dikaitkan dengan individu berkeinginan untuk menunjukkan atau meluahkan simpati, kasih sayang juga memberi bantuan serta membuat kebaikan kepada orang lain.

**Sokongan** : Trait personaliti yang menunjukkan individu memerlukan perhatian, simpati dan ingin dikasihi.

**Struktur** : Trait personaliti yang menunjukkan individu suka kepada kekemasan, kebersihan serta perkara-perkara yang berstruktur, berulang-ulang dan terperinci.

**Pencapaian** : Trait personaliti yang menunjukkan individu bermotivasi, mahukan status yang tinggi dan suka persaingan. (Sidek, 1998)

### 3.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif untuk melihat hubungan dan pengaruh latar belakang sosioekonomi (SES) dan personaliti terhadap pencapaian akademik pelajar khususnya pelajar-pelajar UTeM.

Pengkaji telah menggunakan dua jenis sampel. Sampel pertama terdiri daripada pelajar (mahasiswa/i) yang tinggal di Kolej-kolej Kediaman UTeM dan populasi kedua terdiri daripada pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus UTeM. Populasi pelajar ini merangkumi lima fakulti di UTeM iaitu:-

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
- Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- Fakulti Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)

Dalam hal ini, untuk melihat hubungan (kolerasi) dan perbezaan pengkaji telah menggunakan ANOVA dan t-test untuk melihat sama ada wujud perbezaan pengaruh latar belakang sosioekonomi (SES) dan personaliti yang berlainan jantina dengan pencapaian akademik. Alat statistik Korelasi Pearson dan Ujian t boleh digunakan untuk mentadbir data-data soal selidik yang digunapakai dalam kajian ini (Mohd. Majid Konting 1994).

### 4.0 Dapatan Kajian

Penulis telah menggunakan perisian SPSS 15.0 untuk menganalisis kesemua data yang diperolehi daripada lima fakulti di UTeM. Populasi pertama terdiri daripada pelajar (mahasiswa/mahasiswi) yang tinggal di Kolej-kolej Kediaman UTeM dan populasi kedua terdiri daripada pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus UTeM. Populasi pelajar ini merangkumi lima fakulti di UTeM iaitu:-

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
- Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- Fakulti Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)

Seramai 291 orang terlibat dalam kajian ini. Mengikut Healey (1993) serta Huck dan Carmier (1996), jumlah sampel 30 atau lebih adalah diperlukan untuk mendapat keputusan yang boleh dipercayai dan digeneralisasikan kepada populasi.

Seramai 163 pelajar (56%) terdiri daripada pelajar lelaki dan 128 orang (44%) pelajar perempuan. Seramai 290 orang (99.7%) belum berkahwin sementara seorang (0.3%) telah berkahwin. Seramai 246 orang (85%) pelajar adalah berbangsa Melayu, 36 orang (12%) berbangsa Cina, 4 orang (1%) berbangsa India dan 5 orang (2%) dari lain-lain bangsa. Sementara itu seramai 42 orang (14%) pelajar adalah dari fakulti FKE, 23 orang (8%) pelajar FKEKK, 73 orang (25%) pelajar FKP, 97 orang (33%) pelajar FTMK dan 56 orang (19%) pelajar FKM. Manakala seramai 117 orang (40%) merupakan pelajar tahun 1, 158 orang (54%) pelajar tahun 2 dan 6 orang (2%) pelajar tahun 4. Seramai 273 orang (94%) pelajar dari semester 2, setiap seorang (0.3%) masing-masing dari semester 1 dan 3 dan 6 orang (2%) dari semester 4.

**Jadual 1: Menunjukkan Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Pencapaian Akademik (CGPA / PNGK) Terkini**

Pencapaian akademik (CGPA / PNGK) terkini	Bilangan	Peratus
Rendah 0.01 – 2.49	44	15.1
Sederhana 2.50 – 2.99	174	59.8
Tinggi 3.00 – 4.00	73	25.1
Jumlah	291	100.0

Berdasarkan pada Jadual 1 di atas, seramai 44 orang (15%) pelajar memperolehi keputusan CGPA / PNGK antara 0.01 hingga 2.49 iaitu di tahap rendah, 174 orang (60%) memperolehi keputusan CGPA / PNGK antara 2.50

hingga 2.99 iaitu di tahap sederhana dan 73 orang (25%) memperoleh keputusan CGPA / PNGK antara 3.00 hingga 4.00 iaitu di tahap tinggi.

#### 4.1 Dapatan Hipotesis:

4.1.1 Analisis Hipotesis I : Tidak terdapat hubungan signifikan antara latar belakang sosio-ekonomi dengan pencapaian akademik pelajar.

**Jadual 2 Perkaitan antara pendapatan keluarga (latar belakang sosio-ekonomi) dengan tahap pencapaian akademik**

Pendapatan keluarga	Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Jumlah	Ujian Khi-kuasa Dua
	Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
RM1000 ke bawah	<u>6</u> 8.0%	<u>50</u> 66.7%	<u>19</u> 25.3%	<u>75</u> 100%	dk: 6 sig: 0.17
RM1001- RM2999	<u>11</u> 15.9%	<u>41</u> 59.4%	<u>17</u> 24.6%	<u>69</u> 100%	
RM3000- RM4999	<u>13</u> 14.3%	<u>51</u> 56.0%	<u>27</u> 29.7%	<u>91</u> 100%	
RM5000 ke atas	<u>14</u> 25.0%	<u>32</u> 57.1%	<u>10</u> 17.9%	<u>56</u> 100%	
Jumlah	<u>44</u> 15.1%	<u>174</u> 59.8%	<u>73</u> 25.1%	<u>291</u> 100%	

*Significant at the 0.05 level (2-sided)*  
dk=Darjah kebebasan

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pendapatan keluarga dan tahap pencapaian akademik dan analisis Khi-kuasa dua bagi melihat perkaitan antara dua pembolehubah tersebut.

Dalam hal ini, dapatan analisis Khi-kuasa dua menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.17 iaitu lebih tinggi atau lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05). Ini menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan tahap pencapaian akademik. Hipotesis I yang menyatakan tidak terdapat hubungan signifikan latar belakang sosio-ekonomi dengan pencapaian akademik pelajar adalah diterima. Ini bermakna pengaruh latar belakang sosio-ekonomi pelajar-pelajar yang dikaji tidak mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

4.1.2 Analisis Hipotesis II : Tidak terdapat hubungan signifikan trait-trait personaliti dengan pencapaian akademik pelajar.

Dalam menghuraikan dapatan analisis hipotesis II ini, hanya beberapa trait personaliti akan dihuraikan. Antara trait-trait personaliti yang akan dihuraikan adalah :

- trait personaliti agresif,
- trait personaliti analitikal,
- trait personaliti autonomi,
- trait personaliti bersandar,
- trait personaliti ekstrovert,
- trait personaliti kepelbagaian,
- trait personaliti kritik diri,
- trait personaliti pencapaian,

Berdasarkan pada Jadual 3 di bawah, analisis skor min dan ANOVA sehalu bagi melihat perbezaan trait 'personaliti agresif' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar menunjukkan nilai signifikan  $f$  adalah 0.21 iaitu lebih besar berbanding aras signifikan 0.05 yang menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang tegas dan tidak mudah dimanipulasi oleh orang lain.

**Jadual 3: Menunjukkan Analisis Skor Min dan Anova Sehalu bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Agresif' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
1.	Agresif	59.55	56.55	60.82	1.56	0.21

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

**4.1.2.1: Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti analitikal' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).**

Jadual 4 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehalu bagi melihat perbezaan trait 'personaliti analitikal' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 4, menunjukkan nilai signifikan  $f$  adalah 0.04, lebih kecil atau sangat rendah berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah signifikan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini ditolak. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang sensitif kepada persekitaran, suka

menganalisis orang dan diri sendiri mahupun situasi. Mereka juga suka membuat pemerhatian, menyelidikan dan analisis.

**Jadual 4: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Analitikal' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
2	Analitikal	65.00	58.22	54.38	3.31	0.04*

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

4.1.2.2 : **Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti autonomi' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).**

Jadual 5 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti autonomi' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar (independent sample). Jadual 5, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.22, lebih besar berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang sukakan kebebasan sepenuhnya dalam segala tindakan serta dapat mengawal dan menentukan aktiviti-aktiviti harian.

**Jadual 5: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Autonomi' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
3.	Autonomi	76.82	72.18	71.23	1.52	0.22

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

4.1.2.3: **Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti bersandar' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).**

Jadual 6 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti bersandar' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 6, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.81, lebih besar berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti suka berdikari. Dalam membuat sesuatu keputusan dan melakukan sesuatu aktiviti, pelajar-pelajar tidak bergantung kepada orang lain. Sebagai contoh mereka boleh membuat ulangkaji pelajaran tanpa diarahkan oleh sesiapaupun.

**Jadual 6: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Bersandar' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
4.	Bersandar	67.73	68.85	67.26	0.21	0.81

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

#### 4.1.2.4 Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti ekstrovert' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).

Jadual 7 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti ekstrovert' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 7, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.99, lebih besar berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti suka sosial, suka berinteraksi dan dikelilingi oleh orang ramai di samping merasa tidak selesa duduk bersendirian. Dalam hal ini, pelajar-pelajar suka dan dapat mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan.

**Jadual 7: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Ekstrovert' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)	Nisbah F	sig. f
--	-------------------	---------------------------------------	----------	--------

		Rendah (0.01- 2.49)	Sederha na (2.50- 2.99)	Tinggi (3.00- 4.00)		
5.	Ekstrovert	55.68	55.29	55.07	0.01	0.99

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

#### 4.1.2.5 Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti introvert' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).

Jadual 8 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti introvert' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 8, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.55, lebih besar berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji (uji) mempunyai personaliti yang suka melibatkan diri dalam perhubungan interpersonal dan suka berada dalam kalangan orang ramai. Pelajar-pelajar ini adalah kumpulan yang suka sosial.

**Jadual 8: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Introvert' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01- 2.49)	Sederha na (2.50- 2.99)	Tinggi (3.00- 4.00)		
7	Introvert	51.82	52.53	49.18	0.61	0.55

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

#### 4.1.2.6 Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti kepelbagaian' dengan pencapaian akademik pelajar – (Hipotesis II).

Jadual 9 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti kepelbagaian' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 9, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.03, lebih kecil atau sangat rendah berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah signifikan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini ditolak. Ini bermakna pelajar-

pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang lebih sukakan situasi-situasi yang stabil dan selamat. Mereka tidak selesa dengan situasi-situasi dan pengalaman-pengalaman baru.

**Jadual 9: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Kepelbagaian' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
8	Kepelbagaian	66.14	64.66	56.16	5.92	0.003*

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

#### 4.1.2.8 Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti kritik diri' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).

Jadual 10 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti kritik diri' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 10, menunjukkan nilai signifikan f adalah 0.04, lebih kecil atau sangat rendah berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah signifikan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini ditolak. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang bermasalah. Pelajar-pelajar ini selalunya merasa rendah diri, bimbang dan rasa bersalah terhadap apa yang telah dilakukan atau tidak percaya yang ia telah mencapai sesuatu dengan jayanya.

**Jadual 10: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Kritik Diri' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
10	Kritik diri	67.73	60.86	58.63	3.19	0.04*

\*signifikan pada aras 0.05. n=219



#### 4.1.2.9 Tidak terdapat hubungan signifikan trait 'personaliti pencapaian' dengan pencapaian akademik pelajar - (Hipotesis II).

Jadual 11 di bawah menunjukkan analisis skor min dan ANOVA sehala bagi melihat perbezaan trait 'personaliti struktur' dengan pencapaian akademik pelajar untuk sampel tidak bersandar. Jadual 11, menunjukkan nilai signifikan  $f$  adalah 0.73, lebih besar berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah tidak signifikan. Dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik. Hipotesis ini diterima. Ini bermakna pelajar-pelajar yang dikaji mempunyai personaliti yang menunjukkan mereka sangat bermotivasi dan suka bersaing dalam mencapai sesuatu matlamat. Dalam hal ini, pelajar-pelajar ini memang bersedia menghadapi peperiksaan dengan berhasrat untuk mencapai skor gred CGPA terbaik (CGPA 3.00 – 4.00).

**Jadual 11: Menunjukkan Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala bagi Melihat Perbezaan Trait 'Personaliti Pencapaian' dari Segi Tahap Pencapaian Akademik**

	Trait Personaliti	Min Pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Nisbah F	sig. f
		Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
15	Pencapaian	76.14	75.29	73.42	0.31	0.73

\*signifikan pada aras 0.05. n=219

Berdasarkan Jadual 3 hingga 11 di atas, analisis ANOVA Sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan traits personaliti analitikal, kepelbagaian dan kritik diri dari segi tahap pencapaian akademik. Nilai ' $f$ ' yang diperolehi bagi trait analitikal ialah 0.04, kepelbagaian 0.003 dan kritik diri 0.04. Ketiga-tiga nilai ' $f$ ' ini adalah sangat rendah berbanding aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 (5%) dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan.

Bagi lain-lain traits personaliti, dapatan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dari segi tahap pencapaian akademik terhadap traits personaliti agresif, autonomi, bersandar, ekstrovert, intelektual, introvert, ketahanan, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian kerana nilai ' $f$ ' yang diperolehi adalah lebih tinggi dari aras signifikan 0.05.

Bagi mengetahui pasangan min yang benar-benar berbeza bagi trait personaliti analitikal, kepelbagaian dan kritik diri dari segi tahap pencapaian

akademik, ujian LSD (Least Significant Difference) digunakan. Sila rujuk Jadual 20 di bawah ini.

Jadual 12: Analisis ujian LSD perbandingan trait personaliti – analitikal, kepelbagaian dan kritik diri dari segi tahap pencapaian akademik

Trait personaliti	Pencapaian akademik	Min	Pencapaian akademik		
			Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)
Analitikal	Rendah (0.01-2.49)	65.00	-		
	Sederhana (2.50-2.99)	58.22	ts	-	
	Tinggi (3.00-4.00)	54.38	0.01*	ts	-
Kepelbagaian	Rendah (0.01-2.49)	66.14	-		
	Sederhana (2.50-2.99)	64.66	ts	-	
	Tinggi (3.00-4.00)	56.16	0.01*	0.002*	-
Kritik diri	Rendah (0.01-2.49)	67.72	-		
	Sederhana (2.50-2.99)	60.86	0.04*	-	
	Tinggi (3.00-4.00)	58.63	0.01*	ts	-

\* signifikan pada aras 0.05; ts – tidak signifikan

Bagi trait personaliti analitikal, daripada analisis ujian LSD di atas dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang rendah dengan min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang tinggi.

Bagi trait personaliti kepelbagaian, analisis ujian yang sama menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang tinggi dengan min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang rendah dan sederhana.

Bagi trait personaliti kritik diri, analisis ujian yang sama menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang rendah dengan min kumpulan pelajar yang memperolehi tahap pencapaian akademik yang sederhana dan tinggi.

Oleh yang demikian **hipotesis II** yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan trait-trait personaliti dengan pencapaian akademik pelajar boleh diterima bagi traits personaliti agresif, autonomi, bersandar, ekstrovert, intelektual, introvert, ketahanan, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian.

#### 4.2 Analisis Hipotesis III : Tidak terdapat hubungan signifikan antara jantina dengan pencapaian akademik pelajar.

Untuk melihat perkaitan antara tahap pencapaian akademik pelajar dengan ciri-ciri demografi, kaedah khi kuasa dua pada aras keyakinan 0.05 digunakan.

**Jadual 13: Perkaitan Antara Jantina dengan Tahap Pencapaian Akademik**

Jantina	Tahap pencapaian akademik (CGPA / PNGK)			Jumlah	Ujian Khi-kuasa Dua
	Rendah (0.01-2.49)	Sederhana (2.50-2.99)	Tinggi (3.00-4.00)		
Lelaki	<u>30</u> 18.4%	<u>99</u> 60.7%	<u>34</u> 20.9%	<u>163</u> 100%	dk: 2 sig: 0.07
Perempuan	<u>14</u> 10.9%	<u>75</u> 58.6%	<u>39</u> 30.5%	<u>128</u> 100%	
Jumlah	<u>44</u> 15.1%	<u>174</u> 59.8%	<u>73</u> 25.1%	<u>291</u> 100%	

*Significant at the 0.05 level (2-sided)*  
dk=Darjah kebebasan

Jadual 13 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina dan tahap pencapaian akademik dan analisis Khi-kuasa dua bagi melihat perkaitan antara dua pembolehubah tersebut.

Daripada 163 pelajar lelaki, seramai 61% memperolehi pencapaian akademik di tahap sederhana, 21% memperolehi pencapaian akademik di tahap tinggi sementara 18% memperolehi pencapaian akademik yang rendah.

Daripada 128 pelajar perempuan, seramai 59% memperolehi pencapaian akademik di tahap sederhana, 31% memperolehi pencapaian akademik di tahap tinggi sementara 11% memperolehi pencapaian akademik yang rendah.

Dapatan daripada analisis Khi-kuasa dua menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.07 iaitu lebih tinggi atau lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05). Ini menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara jantina dengan tahap pencapaian akademik. Hipotesis III yang menyatakan tidak terdapat hubungan signifikan antara jantina dengan

pencapaian akademik pelajar adalah diterima. Ini bermakna pengaruh jantina antara pelajar-pelajar yang dikaji tidak mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

#### 4.3 Kesimpulan Dapatan

Hasil daripada analisis dan ujian hipotesis I yang dijalankan, menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan latar belakang sosio-ekonomi dengan pencapaian akademik pelajar. Latar belakang keluarga (SES) atau sosio-ekonomi (pendapatan ibu bapa) tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Pelajar-pelajar yang mendapat CGPA rendah (0.01 – 2.49), CGPA sederhana (2.50 – 2.99) dan CGPA tinggi (3.00 – 4.00) tiada kaitan dengan pendapatan ibu bapa mereka. Pendapatan ibu bapa yang rendah iaitu RM1000.00 (Seribu Ringgit Malaysia) ke bawah tidak mempengaruhi prestasi pelajaran pelajar-pelajar dalam menghadapi peperiksaan setiap semester universiti (UTeM). Kemerosotan atau kecemerlangan prestasi peperiksaan pelajar tiada kaitan dengan latar belakang sosio-ekonomi keluarga. Manakala, pendapatan ibu bapa yang tinggi iaitu RM5000.00 (Lima Ribu Ringgit Malaysia) ke atas bukan penanda arah (*bench marking*) bahawa prestasi peperiksaan akhir pelajar bagi setiap peperiksaan semester di universiti (UTeM) yang diadakan akan cemerlang atau meningkat.

Analisis dan ujian hipotesis II, yang dijalankan terhadap traits-traits personaliti iaitu agresif, autonomi, bersandar, ekstrovert, intelektual, introvert, ketahanan, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar kerana nilai 'f' yang diperolehi adalah lebih tinggi dari aras signifikan 0.05. Analisis ujian LSD perbandingan tahap traits personaliti analitikal, kepelbagaian dan kritik diri dari segi tahap pencapaian akademik menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar yang memperoleh tahap pencapaian akademik yang rendah dengan min kumpulan pelajar yang memperoleh tahap pencapaian akademik yang tinggi.

Oleh itu, hipotesis II yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan traits personaliti dari segi tahap pencapaian akademik boleh diterima bagi traits personaliti agresif, autonomi, bersandar, ekstrovert, intelektual, introvert, ketahanan, mengawal, menolong, sokongan, struktur dan pencapaian.

Analisis dan hipotesis II ini membawa maksud bahawa pelajar-pelajar yang mendapat CGPA rendah (0.01 – 2.49), CGPA sederhana (2.50 – 2.99) dan CGPA tinggi (3.00 – 4.00) merupakan pelajar yang suka perkara-perkara berstruktur, rutin dan terperinci (traits personaliti struktur skor tinggi). Mereka suka membuat persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan akhir semester di universiti (UTeM). Selain itu, mereka gemar membantu rakan-rakan mengulang-kaji pelajaran (traits personaliti menolong skor tinggi). Mereka sangat

bermotivasi dan suka bersaing dalam mencapai sesuatu matlamat (traits personaliti pencapaian skor tinggi). Seterusnya, pelajar-pelajar ini mampu membuat keputusan sendiri bagi menghadapi peperiksaan (traits personaliti autonomi skor tinggi).

Seterusnya, hubungan antara jantina dengan pencapaian akademik pelajar yang dibuat melalui analisis Khi-kuasa dua menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.07 iaitu lebih tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) menjelaskan bahawa hipotesis III yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan pencapaian akademik pelajar boleh diterima. Analisis dan ujian hipotesis III ini bermaksud bahawa pelajar-pelajar yang mendapat CGPA rendah (0.01 – 2.49), CGPA sederhana (2.50 – 2.99) dan CGPA tinggi (3.00 – 4.00) tidak dipengaruhi oleh jantina mereka. Analisis ini membuktikan bahawa jantina antara lelaki dan perempuan bukan faktor membezakan prestasi pencapaian akademik pelajar. Pelajar-pelajar lelaki mahupun perempuan mempunyai peluang yang sama rata atau setara untuk cemerlang dalam peperiksaan.

Seterusnya, perkaitan pendidikan tertinggi bapa dengan tahap pencapaian akademik pelajar yang dibuat melalui analisis Khi-kuasa dua menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.44 iaitu lebih tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) menjelaskan tidak terdapat perkaitan signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Manakala, perkaitan pendidikan tertinggi ibu dengan tahap pencapaian akademik pelajar yang dibuat melalui analisis Khi-kuasa dua menunjukkan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.61 iaitu lebih tinggi daripada aras signifikan yang ditetapkan (0.05) menjelaskan tidak terdapat perkaitan signifikan antara tahap pendidikan ibu dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

Oleh itu, hipotesis IV yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan tertinggi ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar boleh diterima. Analisis dan ujian hipotesis IV ini bermaksud bahawa pelajar-pelajar yang mendapat CGPA rendah (0.01 – 2.49), CGPA sederhana (2.50 – 2.99) dan CGPA tinggi (3.00 – 4.00) tidak dipengaruhi oleh tahap pencapaian pendidikan ibu bapa mereka.

Analisis ini membuktikan bahawa tahap pendidikan ibu bapa sama ada mereka (ibu bapa) tidak bersekolah, bersekolah rendah, menengah, mempunyai diploma, memiliki ijazah (sarjana muda, sarjana atau PhD.) bukan faktor mempengaruhi tahap pencapaian prestasi akademik pelajar. Pelajar yang datang dari keluarga yang ibu atau bapa yang tidak berpendidikan atau berpendidikan rendah (sekolah rendah atau menengah) bukan halangan untuk mereka memperolehi kecemerlangan dalam peperiksaan akhir semester di universiti (UTeM).

## 5.0 PENUTUP

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh latar belakang keluarga (sosio-ekonomi) dan personaliti tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Sebanyak 12 trait personaliti iaitu agresif (nilai sig. f - 0.21), autonomi (nilai sig. f - 0.22), bersandar (nilai sig. f - 0.81), ekstrovert (nilai sig. f - 0.99), intelektual (nilai sig. f - 0.30), introvert (nilai sig. f - 0.55), ketahanan (nilai sig. f - 0.98), mengawal (nilai sig. f - 0.89), menolong (nilai sig. f - 0.27), sokongan (nilai sig. f - 0.49), struktur (nilai sig. f - 0.75), dan pencapaian (nilai sig. f - 0.73) didapati tidak terdapat hubungan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Manakala tiga trait personaliti iaitu analitikal (nilai sig. f - 0.04), kepelbagaian (nilai sig. f - 0.03) dan kritik diri (nilai sig. f - 0.03) didapati signifikan dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian lanjutan berhubung dengan pengaruh status sosio ekonomi (SES), personaliti dan faktor-faktor lain dengan pencapaian akademik pelajar perlu diteruskan untuk mengenal pasti punca sebenar yang menyebabkan berlakunya sama ada peningkatan mahupun kemerosotan terhadap pencapaian akademik pelajar di semua universiti awam Malaysia.

## BIBLIOGRAFI / RUJUKAN

- Astin, A. W. 1964. Socio-economic factor in the achievements and aspiration of merit scholar. *Personal and guidance quarterly* 42: 581-584.
- Azaman Zakaria. 1995. Hubungan Status Sosio-Ekonomi Keluarga Dan Pencapaian Akademik (PNGK) Dengan Sikap Terhadap Pembuatan Keputusan Kerjaya: Satu Kajian Ke Atas Mahasiswa, *Latihan Ilmiah Yang Dikemukakan Untuk memenuhi Sebahagian Daripada Syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian; Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan, UKM.*
- Azizi Hj. Yahya, Yusof Boon & Kamaliah Noordin. 2005. *Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi dan gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar*, Johor Bahru : Fakulti Pendidikan UTM Skudai Johor.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K, .2003. *Qualitaive research For Education, An Introduction to Theories and Methods*, Fourth Edition, USA; Pearson Education Group, Inc.
- Bruch, M.A. and Krieshok, T.S. 1981. Investigate versus Realistic types and adjustment theoretical engineering major. *Journal of Vocational Behaviour*. 18. 162-173.  
Feldman.
- Carpenter, V.L., Friar, S. And Lipe, M.G. 1993. "Evidence on the performance of accounting students; race, gender, and expectations", *Issues in Accounting Education*, Vol. 8 No. 1, pp. 1 -17.
- Coover, G.E. and Murphy, S. T. (2000). The communicated self. *Human Communication Research* 26(1): 125-148.
- Creswell, J.W., 1994. *Research Design Qualitative & Quantitative Approaches*, USA; Sage Publications, Inc.
- Ervina Alfian dan Md Nor Othman. 2005. Undergraduate students' performance: the case of University of Malaya, *Quality Assurance in Education* Vol. 13 No. 4, pp.329- 343: Emerald Group Publishing Limited corporate hierarchy. *Human Relations*. 43. 703-729
- Healey, J.F. 1993. *Statistics: a tool for social research*. Calif: Wadsworth Publishing.
- Huck, S.W. & Carmier, W.H.. 1996. *Reading Statistics and research*. US: Harper Collins College Publisher.
- Ho, P.S. 2000. "Attitude of students towards accounting", Masters thesis, Master of Management, Faculty of Business and Accountancy, KL. :University of Malaya
- Holland, J.L. 1973. *Making Vocational Choices: A Theory of Career*. First Edition. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Holland, J.L. 1985. *A Theory of Vocational Personality and Work Environment*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall.
- Masturah Mahfar, Ishak Mad Shah dan Hamdan Abdul Kadir. 2007. *Kekongruenan Personaliti-Persekitaran Kursus Dan Hubungannya*

- Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar UTM*, Skudai, Johor: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, UTM.
- M. Al-Muz-zammil Yasin, Hamdan Said, Muhammad Sukri Saud .2007. *Karenah Pengajaran Dan Pembelajaran Pelajar Dewasa, Cadangan Menangani Keperluan Dan Meningkatkan Pembelajaran: Persepsi Pensyarah*, Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM, Skudai, Johor : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- .Nik Hasnaa Nik Mahmood. 2007. *Kebimbingan Komunikasi di Kalangan Pelajar UTM: Satu Realiti atau Mitos?*, Kuala Lumpur : Pusat Pengajian Diploma UTM, City Campus, Jalan Semarak.
- Nor Azah Samot@ Samat. 2007. Faktor-faktor Penentu Kecemerlangan Pelajar Dalam Kursus Teori Statistik Di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Wacana
- Norhani Bakri, Noor Zainab Abd. Razak, Hamidah Ab. Rahman & Aminah Hj. Ahmad Khalid. 2005. *Punca Prestasi Pembelajaran Yang Lemah Di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai, Johor, : Jurnal Teknologi, 43(E) Dis. 2005
- Norida Abdullah, Ahmad Rozelan Yunus & Hafzan Ariffin. (2006). Personality congruency with programme majors and its relationship to KUTKM students' academic performance. *Prosiding Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM 2006*, telah dibentangkan pada 18 – 20 Disember 2006, Holiday Inn Resort, Batu Feringgi, Pulau Pinang. Compiled by University Industry Centre
- Rosini Abu, Aida Suraya Md Yunus, Wan Zah Wan Ali, Ramliah Hamzah, Rohani Ahmad Tarmizi, Habsah Ismail, Datin Sharifah Nor, Kamariah Abu Bakar. ( 2005). *Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM. Hubungan antara ciri personality dengan pencapaian akademik*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar 3<sup>rd</sup> International Seminar on Learning and Motivation: Enhancing Student Engagement (ISLM3), pada 10 – 12 September 2005 di City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah.
- Sidek Mohd Noah. 1998. *Pengujian Dalam Psikologi Dan Kaunseling, Untuk Pelajar Psikologi & Kaunseling*, Serdang, Selangor: Perkhidmatan Percetakan, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.
- Siti Hawa Munji dan Ma'arof Redzuan. 1990. *Pengantar Psikologi*. Petaling Jaya : Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Terry Saenz, Marcoulides, G.A., Ellen Junn, Ray Young, 1999. The relationship between college experience and academic performance among minority students, *The International Journal of Education Management* 13/4 [1999] 199-207 : MCB University Press [ISSN 0951-354X]
- Yin, R.K. 1994. *Case Study Research, Design and Methods*, Second Edition, Applied Social Research Methods Series Volume 5, USA; Sage Publications, Inc.
- Wiersma, W. 2000. *Research Methods in Education An Introduction*, Seventh Edition, USA; A Pearson Education Company